

# REXOM™ WINA ANTAMAC TABLET

Magnesium Trisilicate/Aluminium Hydroxide/Simethicone (250mg/125mg/30mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM™ Wina Antamac
2. Bagaimana REXOM™ Wina Antamac berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM™ Wina Antamac
4. Cara mengambil REXOM™ Wina Antamac Semasa menggunakan REXOM™ Wina Antamac
5. Kesan-sesan sampingan
6. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM™ Wina Antamac
7. Maklumat lanjut
8. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
9. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM™ Wina Antamac

Untuk melegakan simptom dari gangguan ketakcernaan, sakit perut, pedih ulu hati, kembung perut, lebihan asid gastrik.

## Bagaimana REXOM™ Wina Antamac berfungsi

REXOM™ Wina Antamac mengandungi antasid untuk mengurangkan asid perut yang berlebihan.

## Sebelum menggunakan REXOM™ Wina Antamac

Bila tidak boleh menggunakan  
Ia tidak boleh digunakan jika anda hipersensitif kepada sebarang komponen dari formulasi ini.

## Sebelum menggunakan ubat ini

Berhati-hati pada individu yang mengalami masalah buah pinggang.

Mengandung dan menyusukan anak  
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak. Manfaat dan risiko perlu dipertimbangkan.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

REXOM™ Wina Antamac boleh mengganggu penyerapan:

- Tetracycline (sebagai antibiotik)
- Anticholinergics
- Barbiturates (untuk merawat sawan)
- Digoxin (untuk merawat masalah jantung)
- Warfarin (untuk mengelakkan pembekuan darah)
- Vitamin (sebagai suplemen kesihatan)

Selang masa selama 3 jam diperlukan untuk mengelakkan interaksi ini.

## Cara mengambil REXOM™ Wina Antamac

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM™ Wina Antamac seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

2 tablet

Tablet perlu dikunyah dan ditelan dengan air.

### -Bila perlu diambil

Untuk diambil 4 kali sehari, selepas atau di antara waktu makan dan pada waktu tidur. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM™ Wina Antamac seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Dos REXOM™ Wina Antamac yang tinggi boleh menyebabkan *hypermagnesemia* (tahap magnesium yang tinggi di dalam darah).

## Semasa menggunakan REXOM™ Wina Antamac

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM™ Wina Antamac.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM™ Wina Antamac dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan REXOM™ Wina Antamac terhadap anda.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, REXOM™ Wina Antamac boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat apa-apa kesan sampingan berikut atau

# REXOM<sub>TM</sub> WINA ANTAMAC TABLET

Magnesium Trisilicate/Aluminium Hydroxide/Simethicone (250mg/125mg/30mg)

perhatikan kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Sembelit ringan atau cirit-birit
- Mual
- Muntah
- Kekejangan perut
- Peningkatan rasa dahaga yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems/Side Effects/AEFI/Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> Wina Antamac

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Lindungi daripada haba dan cahaya. Simpan di tempat yang dingin dan kering.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, bulat dengan kesan timbul 'ANTAMAC' di bahagian atas dan 'KCK' bawah,

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
250mg Magnesium Trisilicate, 125mg Aluminium Hydroxide dan 30mg Simethicone.

- Bahan-bahan tidak aktif  
Lactose, Mannitol, Peppermint oil, Menthol, Sodium saccharin, Magnesium stearate, Corn starch, Starch dan Deionized water.

### -Nomor MAL

MAL19911378X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.  
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RIMUP

30/10/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)301017/00298